



dikir temasek II

AHAL... KIAMBANG

Lagu:
M. Fahmy Dasuki (TK-7)
Seni Kata:
Da'eng Nobat
-Mohd. Noor-

Ahal Kembang Kembang merah jambu terapung-apung atas Tasik Cini
Kelopakmu ibarat papan gelungsur Si Pari-pari
Kakamu menghurai bak mayang sari tempat ikan bermain sembunyi-sembunyi
Situ segumpal hati bersenandung sayu bernyanyi-nyanyi

Ahal Kembang kau dengarkanlah rintih seorang bekas penanyi
Yang dijulang ditimang ditatang dipuji dipuji
Salah sekucil debu dipandang sebesar bumi
Silap setapak kuman dipandang langkah gergasi

Ahal kembang engkauhlah lambang hati seorang bekas penanyi
Bungamu mekar mekar terapung-apung akar tersimpul mati
Yang indah dipandang yang indah diperhati
Yang tidak terpampang itu tak dipedulikan

kelelahan dia...

SYARIFAH ALWIYAH

Lagu:
Enal
Seni Kata:
Zaidy Nandir

Ahai asyiknya bertandak sambil bercanda
Itik goyang pinggul rentak Timur Tengah
Cari cucuk sanggul Syarifah Alwiyah
Katakanlah di mana

Di sini kisah bermula di pantai Laut Merah
Di bawah sinaran purnama Syaaban malam ke dua puluh dua
Syarifah Alwiyah bermandi manda bersama dayang istana
Berkembanikan kain sutera mayang digerbang aduhai ayunya...

Berderaanlah airmata di pipi gebu Syarifah Alwiyah
Diiringi dayang istana seiringan senada seirama
"Di mana cucuk sanggul beta? Lambang kedaulatan istana
Petanda bahawa sesungguhnya Beta Batu seluruh Timur Tengah..."

Tanjung terlunai sudah... Kauut mana??

**BUAT CENDERAWASIH (DYAN YULIAHA II)**

Lagu:
Zaidy Nandir
Seni Kata:
Zaidy Nandir
-Mohd. Noor-

Cenderawasih burung kayangan
Tuanku putih kilau keemasan
Pandanglah hamba Si Gagak Hutun
Sebelah mata pun hamba tak terkilan

Tak hamba terkelindan sayap dipatahkan
Tak hamba terkilan telur hamba dipecahkan
Hamba akur dengan suratan,
hamba akur dengan kehendak Tuhan
Hamba akur berketurunan bermandi hinaan

Aduhai Cenderawasih, pintamu keterlaluan
Kau inginkan hamba kalungan bulan
Engkau inginkan kerabu dari bintang bergemerlapan
Engkau inginkan rantai untaian buih lautan

humm... berat, tu...

MERAH INAI

Lagu:
Enal & Kite
Seni Kata:
Da'eng Nobat
-Enal-

Inai di jari merah saga menyala
Mempelai berseri di atas singgahana
Suasana seperti pertabalan Di Raja
Beza hanya paluan nobat diganti hadrah
(Nobat diganti hadrah)

Dayang bagaikan bidadari penghuni istana kaca
Lanang ibarat putera keturunan dawa
Telah dihipi bidadari bersyair selendang delima
Terpaullah hati bidadari oleh ketata indah

Sepadun paras dan rupa bagai pinang dibelah dua
Tersenyum simpul mesra di singgahana
Selamatlah kedua hendaknya melayari bahera
Semoga berbahagia kekal selamanya

teristimewa buat para raja dan permaisuri sehari...

**CINTA DUYUNG NELAYAN**

Lagu:
Zaidy Nandir
Seni Kata:
Zaidy Nandir
-Enal-

Tersebut al kisah Si Duyung Jelita
Puteri tunggal Raja Samudera
Bercinta dengan Nelayan Tua
Di atas garis lintang khatulistiwa
Di antara Bawean dan Madura
Terus terusan mereka bercinta

Terkadang kala di kala Nelayan menjala
Si Duyung Jelita bergundah gulana
Menyelamlah Si Jelita menyelam samudera
Ketemu Si Lumba Lumba
Berbisik ke telinganya
"Selamatkan Nelayan Tua
Andainya timbul bencana
Andai biduknya dipukul gelora"

Terkadang kala Si Duyung menyelam-nyelam
Ke dasar lautan yang teramat dalam
Si Nelayan Tua berasa tidak fenteram
Takut di dalam menyelam
Si Duyung disepit ketam
Atau Si Duyung dibaham
Si Buas Jerung Jahannam
Kemungkinannya bermacam-macam

*** tangkaaaaaap...***

WANITA

Lagu:
Siti Aidah
Seni Kata:
Zaidy Nandir
-Along-

Bagai tarian padi dihembus bayu senja
Langkahmu serapi lenunan songkat berharga
Bicaramu manis laksana si gula Melaka
Kau ciptaan luarbiasa... kaum wanita

Setiap detik saat yang bertalu
Watakmu bertukar mengikut waktu
Kasih di dalam temarahnamu
Kelembutan di dalam kelegasanmu
Selayatnya engkau insan bergelar Ratu

Rela mereka bermati-matian
Menumpahkan darah di medan pertempuran
Kerana hatimu ingin ditawan
Kerana hadirmu memberi pengertian
Kerana ciptaanmu penuh kesempurnaan...

**ADAT MELAMAR**

Lagu:
Enal & Siti Aidah
Seni Kata:
Da'eng Nobat
-Mohd. Noor-

Si tepak sirih si buah pinang si tembakau Cina
Setalung melur putih sehelai selendang sutera merah
Dari selayang pandang bagai cerita dongeng purbakala
Walhal adat meminang ahai indahnya warisan bangsa

Indahnya zaman dulu-dulu zaman mesirik khabar
Teruna dara tak bertemu tidak memadu asmara
Zaman tunduk pada pilihan Ibu ikut arah telunjuk Ayah
Sayang kini zaman sudah berlalu ditolak jentolak tanah

Indahnya adat melamar khazanah warisan bangsa
Lengkap berpantun berseloka berselang hilai ketawa
Kononnya kepinginkan Si Bunga buat penyeri halaman rumah
Sayang kini adat melamar sudah hilang pantun seloka

sengeeet aja joe...

JAMPI SERAPAH

Lagu:
Fatna
Enal
Seni Kata:
Zaidy Nandir
-Enal-

Sekuntum gengkih sedikit cekur sejengkal hala
Tujuh helai sirih urat bertemu salaitan ia
Darah si ayam putih; tujuh titis airmata buaya
Rumus di dalam cangkik diiringi Jampi serapah

Hanyir peluh harum setinggi bersatu bak seramuan
Pulut kuning ayam panggang tersaji bak satu jerman
Berduyun datang bertandang dengan seribu satu permintaan
Bagaikan ingin mencuri pandang ahai... Dewi Kayangan

Tujuh helai rambut Si Anu; tujuh keat kuku Si Fulan
Tujuh kali diganggang asap tujuh macam kemeyan
Boneka lilin dipusing tujuh kali ke kiri ke kanan
Terbelah rambut itu petanda hajat dimakbulkan

kick!!!

DEBAT TUAH JEBAT

Lagu:
Fatna
Enal
Seni Kata:
Fatna
-Nana-

Seiring jalan sepanjang persaudaraan
Sebilah Tamingsari sepatah titah Sultan
Sekelip mata segalanya bertaburan
Setiatah ramanya itu atau pengkhianatan

"Hutang sebiji bola mata dibayar sebiji bola mata
Hutang tulang patah dibayar tulang patah"
Ibu patah-patah patah indah bagaikan madah
Nukilan Jebat perkasa membela di dalam derhaka

"Hitam bererti hitamlah ia tak mungkin putih jadinya
Tak mungkin bangkai gajah ditutupi daun nipah"
Ibu isi inlipati berima bak pantun pusaka
Sergah Hang Tuah gagah tetap setia walau difitnah

kefarian... itu... petak... ramanya... itu??

DI SINI BERMULA

Lagu:
Tu Tuap
Seni Kata:
Tu Tuap
-Mohd. Noor & Zaidy Nandir-

Bagai...
Di tengah bahang Sahara
Di bawah garang suria
Diratah unggun nan merah
Dibelasah cadar basah
Setiap xali kaki melangkah
Bak berjalan di atas bara

Di sini bermula... di antara senja dan ufuk fajar
Aku di sini engkau di sana... kita terpisah
Melangkah lemah selangkah selangkah bintang timur penentu arah
Akhirnya bertemu di pinggirang wadi meneruskan kembara

Pertemuan ini sempurna aluran Inderaloka
Engkau dan aku dipertemuan mencari siasah
Berpeta budaya berkompas naluri mendaki ke puncak Jaya
Bersenjata kekata berperiapi seni baktalan perjalanan kita
***khas buat teman seperjuangan...
terima kasih di atas kalungan bunga persahabatan...***

0622 --- cinta terhalang... tergalang... terpalang...



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu izinkan kami merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa dan orang-orang tersayang di dalam hidup kami yang sentiasa memahami keinginan kami selama ini ---- iaitu melanjutkan kesinambungan kepada seni warisan yang dicintai. Tidak lupa juga kepada Abang Razzi M. yang telah memberi kami saluran 'alternatif' untuk meneruskan perjuangan ini. Kepada pihak Berita Harian/Minggu, The Straits Times, The New Paper, TCS, STV12, Radio Heart 91.3FM, RSI, RIA 89.7FM, WARNA 94.2FM dan semua pihak media --- terima kasih di atas sokongan anda. Tidak ketinggalan kepada mereka yang telah menyumbangkan lagu dan senikata --- terima kasih daun keladi..... Akhir sekali kepada semua rakan seperjuangan dan juga peminat-peminat seni dikir barat --- sokongan anda kami hargai. Terimalah Dikir Temasek II ini sebagai lahirnya satu lagi khazanah seni warisan kita...

seni disanjung... budaya dijunjung





Judul Album : Dikir Temasek II
Penerbit : Razzi M.
Penolong Penerbit : Zaidy Nandir
Pengurus Artis : Mohd. Fahmi Yusope
Studio Rakaman : Razzi M. Studio
Jururakam/Adun : Razzi M.
Hiasan Kulit : Mohd. Farihan Bahron

DIKIR TEMASEK II

Paluan:
Azhar & Ismail

Juara:
Khairiah Zainal Abiden (Along)
Norhasanah Zakaria (Nana)
Mohd. Noor Akbar Ali
Zaidy Nandir
Zainal Ismail

Tukang Karut:
Fahmi Cicak

Awok-awok:
Adip, Ahmad Wan, Botak, Eidwoth, Ikinn,
Kechik, Khai, Herry, Khairul, Landak,
Man Taketeng, Wan Papan
Juwita, Khairany, Manisah, Marleena, Maszlin,
Mazarina, Niki, Siti Kay, Siti Noorbaya



RMCD 1008

dikir temasek II

© 1997 RAZZI M Production

All Rights Reserved National Library Board, Singapore

dikir temasek II



- | | |
|--|------|
| 1. Kopi Halia Temasek | 1:38 |
| 2. Cinta Duyung Nelayan | 5:00 |
| 3. Ahai Kiambang | 5:30 |
| 4. Wanita | 5:40 |
| 5. Syariffah Alwiyah | 5:30 |
| 6. Adat Melamar | 5:04 |
| 7. Jampi Serapah | 5:24 |
| 8. Buat Cenderwasih
(Dyan Yulaiha II) | 5:15 |
| 9. Debat Tuah Jebat | 5:08 |
| 10. Merah Inai | 4:09 |
| 11. Di Sini Bermula | 5:44 |
| 12. LUMBERJACKS JEANS
(Lasak Dan Bergaya) | 0:45 |
| 13. Wau Bulan | 2:01 |



112 East Coast Road,
#B1-13 Katong Mall,
Singapore 428802
Tel: 344 2231 Fax: 345 5853

